Pendakwa Raya v Yeo Jau Lih

MAHKAMAH TINGGI (SEREMBAN) — PERBICARAAN JENAYAH NO 45–13 TAHUN 2004
SULAIMAN DAUD H
9 JULY 2008

Prosedur Jenayah — Hukuman — Homisid salah tak terjumlah membunuh — s 304(a) Kanun Keseksaan — Hukuman yang sesuai — Faktor mitigasi — Sama ada kepentingan awam dan prinsip berpadan/kesetimpalan dalam penghukuman diambilkira

Undang-Undang Jenayah — Kanun Keseksaan — s 302 — Membunuh — Elemen-elemen penting kesalahan — Sama ada dibuktikan — Tertuduh tidak mengenali si mati — Pergaduhan berlaku secara tiba-tiba — Mempertahankan diri — Sama ada tindakan menyerang dan memukul si mati untuk mempertahankan diri — Sama ada tertuduh berjaya, atas imbangan kebarangkalian, membuktikan pembelaan hak pertahanan diri — Sama ada kes di bawah s 304(a) Kanun Keseksaan dibuktikan

Undang-Undang Jenayah — Membunuh — Penyebaban — Prima facie — Penilaian maksimum keterangan pihak pendakwaan — Sama ada pihak pendakwaan telah membuktikan suatu kes prima facie terhadap tertuduh — Kanun Acara Jenayah s 180

Tertuduh di dalam kes ini telah dituduh melakukan kesalahan membunuh dengan menyebabkan kematian si mati, Mah Ann Ann, iaitu satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah s 302 Kanun Keseksaan ('Kanun'). Bagi membuktikan kes, pihak pendakwaan telah mengemukakan beberapa saksi. Menurut keterangan SP11, pada 16 Julai 2004 dia telah berjumpa dengan si mati di tempat kerjanya di Oakland untuk memberi hadiah hari jadi kepadanya. Pada hari yang sama semasa berada di rumahnya dia mengatakan si mati telah menghantar SMS kepadanya mengucapkan terima kasih atas hadiah yang telah diberikan. SMS itu turut dibaca oleh kekasihnya, Choy Weng Chai ('Choy'). SP11 menyatakan Choy telah memarahi dan memukulnya kerana mengesyaki dia mempunyai hubungan sulit dengan si mati. Selanjutnya SP11 menyatakan Choy telah menelefon tertuduh dengan menggunakan telefon bimbitnya memberitahunya bahawa si mati telah merogolnya dan meminta tertuduh tunjuk ajar si mati. SP11 juga

menyatakan bahawa pada kira-kira jam 11 malam hari yang sama, atas desakan Choy, dia telah menelefon si mati meminta si mati menunggunya di belakang kedai Best Home di Oakland atas alasan hendak berbincang. Choy meminta tertuduh pergi ke tempat tersebut kerana si mati akan datang ke situ. Berikutannya tertuduh telah pergi ke tempat tersebut dengan membawa sebilah pisau yang disorok di bahagian hadapan seluar pendeknya. Pergelutan berlaku di antara si mati dengan tertuduh sebaik sahaja tertuduh memberi amaran kepada si mati agar jangan menganggu SP11. Menurut SP16, pegawai penyiasat, si mati telah mengalami kecederaan berganda. Seterusnya, SP4, seorang pakar forensik telah mengesahkan bahawa sebab kematian adalah luka tikaman berganda. SP4 juga memberi pendapat bahawa kecederaan-kecederaan tikaman pada tubuh badan si mati boleh disebabkan oleh pisau manakala 'laceration wound' di bahagian kepala boleh disebabkan oleh batu. Dia turut mengesahkan bahawa kecederaan yang dialami si mati adalah cukup 'in the ordinary cause of nature' menyebabkan kematian. Tertuduh menafikan bahawa dia mengenali si mati dan seterusnya menyatakan bahawa pergelutan dengan si mati berlaku secara tiba-tiba. Pembelaan utama tertuduh ialah hak pertahanan diri di bawah s 96 dibaca bersama dengan ss 97 dan 100 Kanun.

Diputuskan, menjatuhkan hukuman penjara 12 tahun berkuatkuasa dari tarikh tangkapan:

(1) Tindakan si mati terus menyerang tertuduh menyebabkan tiada peluang baginya untuk menenangkan dirinya. Walaupun si mati mengalami kecederaan berganda (multiple injuries) pada tubuh badannya, tetapi laporan perubatan jelas menunjukkan bahawa kebanyakan daripada kecederaan itu terdiri daripada 'superficial incise wounds'. Kecederaan sedemikian menunjukkan bahawa mereka saling berbalas serangan. Hayunan-hayunan pisau tertuduh dibalas oleh si mati dengan tumbukan-tumbukan. Oleh itu, tertuduh telah melakukan homisid salah yang tidak terjumlah kepada kesalahan membunuh di bawah s 304(a) Kanun (lihat perenggan 43).

(2) Tertuduh mempunyai segala peluang untuk beredar meninggalkan tempat itu tetapi tidak berbuat demikian. Setelah mengambilkira fakta-fakta kes ini, mahkamah berpuas hati bahawa tertuduh telah gagal, atas imbangan kebarangkalian, membuktikan pembelaan hak pertahanan diri di bawah s 96 dibaca bersama ss 97 dan 100 Kanun, atau selainnya di bawah pengecualian 2 s 300 (lihat perenggan 40 & 44).

(3) Kesalahan yang dilakukan tertuduh adalah amat serius kerana melibatkan kehilangan nyawa manusia. Walaupun kematian si mati berlaku dalam satu pergaduhan tiba-tiba yang telah diaturkan oleh

pihak ketiga tetapi ia masih boleh dielakkan jika tertuduh menggunakan pertimbangan yang waras dan tidak bertindak balas mengikut dorongan nafsu. Adalah wajar mahkamah memberi keutamaan kepada kepentingan awam yang menuntut agar apa-apa kesalahan yang melibatkan kehilangan nyawa dikenakan suatu hukuman yang berat untuk dijadikan pengajaran kepada orang lain supaya tidak melakukan kesalahan yang serupa tanpa memikirkan padahnya (lihat perenggan 48).

[English summary

The accused in this case was charged with an offence of culpable homicide for causing the death of the deceased, Mah Ann Ann, which is an offence punishable under s 302 of the Penal Code ('the Code'). In order to establish the case, the prosecution produced a number of witnesses. According to SP11's testimony, on 16 July 2004 she met the deceased at his work place in Oakland to give him a birthday gift. On the same day, when she was at home, she said that the deceased had sent her an SMS to thank her for the gift. The SMS was also read by her lover, Choy Weng Chai ('Choy'). SP11 said that Choy had scolded and beaten her, suspecting that she was having an affair with the deceased. Further, SP11 said that Choy had called the accused using her mobile phone and told him that the deceased had raped her and requested the accused to teach the deceased a lesson. SP11 also stated that at about 11pm on the same day, on Choy's urge, she had telephoned the deceased and told him to wait for her behind the Best Home shop in Oakland. Choy then told the accused to go to the location as the deceased would be there. Subsequently, the accused had gone to the location bringing along a knife hidden on the front part of his shorts. A scuffle took place between the deceased and the accused as soon as the accused warned the deceased not to disturb SP11. According to SP16, the investigating officer, the deceased suffered multiple injuries. Further, SP4 a forensic expert confirmed that the cause of death was multiple incise wounds. SP4 also gave an opinion that the incise wounds on the deceased could have been caused by the knife, whereas the laceration wound on the head could have been caused by a stone. He also confirmed that the injuries suffered by the deceased were sufficient in the ordinary cause of nature to cause death. The accused denied knowing the deceased and further stated that the scuffle with the deceased took place instantaneously. The main defence of the accused was self defence under s 96 read with ss 97 and 100 of the Code.

Held, sentencing the accused to 12 years imprisonment from the date of arrest:

(1) The conduct of the deceased in immediately attacking the accused gave him no time to settle down. Although the deceased suffered multiple injuries on his body, but the medical report clearly showed that most of the injuries were superficial incise wounds. Such injuries showed that they were exchanging blows on each other. The swaying of the knife by the accused was returned by the deceased with his punches. Therefore, the accused had committed culpable homicide not amounting to murder under s 304(a) of the Code (see para 43).

(2) The accused had all the opportunities to leave the location but did not do so. Considering the facts of the case, the court was satisfied that he accused had failed, on the balance of probabilities, to prove the defence of self defence under s 96 read with ss 97 and 100 of the Code, or alternatively, under Exception 2 of s 300 (see paras 40 & 44).

(3) The offence committed by the accused was very serious one as it involved human life. Although the death occurred in an instantaneous scuffle which had been planned by a third party, but it could have been avoided if the accused had used his reasonable consideration and did not react according to his desire. It is appropriate for the court to give priority to public interest which required that any offences involving lost of life be heavily punished to be a deterrent to others so that the like offence was not committed, without giving consideration to the consequences (see paras 48).]

Nota-nota

Untuk kes mengenai homisid salah tak terjumlah membunuh, lihat 5(2) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2007 Reissue), lihat perenggan 3341.

Untuk kes mengenai penyebaban, lihat 4 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2005 Reissue) perenggan 1155.

Untuk kes-kes mengenai s 302 Kanun Keseksaan, lihat 4 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2005 Reissue) perenggan 1520–1579.

Kes-kes yang dirujuk

Chan Chwen Kong v PP [1962] MLJ 307 (dirujuk)
Govindan Neelambaran v State of Kerala AIR 1960 Ker 258 (dirujuk)
Hainie bin Hamid v Pendakwa Raya [2003] 2 MLJ 403 (dirujuk)
Jai Dev v State of Punjab AIR 1963 SC 612 (dirujuk)
Lee Yoke Chong v PP [1964] MLJ 138 (dirujuk)
Looi Kow Chai & Anor v PP [2003] 2 MLJ 65 (dirujuk)
Mohamed Jusoh bin Abdullah & Anor v PP [1947] MLJ 130 (dirujuk)
Munusamy v PP [1987] 1 MLJ 492 (dirujuk)
Musa bin Yusof v PP [1953] MLJ 70 (dirujuk)
Nor Hasnizam bin Ab Latif v PP [2002] 1 MLJ 154 (dirujuk)
PP v Dato' Balwant Singh (No 2) [2003] 3 MLJ 395 (dirujuk)
PP v Dato' Seri Anwar Ibrahim (No 3) [1999] 2 MLJ 1 (dirujuk)

PP v Khairuddin [1982] 1 MLJ 331 (dirujuk)
PP v Leo Say & 2 Ors [1985] 2 CLJ 155 (dirujuk)
PP v Ngoi Ming Sean [1982] 1 MLJ 24 (dirujuk)
Tan Buck Tee v PP [1961] MLJ 176 (refd)
Vinaga Moorthy a/l Gopal v PP [2003] 2 MLJ 87 (dirujuk)
Ya bin Daud v PP [1997] 4 MLJ 322 (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Keterangan 1950 s 114(g)
Kanun Keseksaan ss 300 Kecualian 2, Kecualian 4, 300(a), 300(b), 300(c), 300(d), 302, 304(a)
Kanun Prosedur Jenayah ss 96, 97, 100, 180(1)

Faiza bt Hamzah (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara Malaysia) bagi pihak pendakwaan.
Karpal Singh (Ramkarpal Singh bersama-samanya) (Karpal Singh & Co) bagi pihak tertuduh.

Sulaiman Daud H:

[1] Tertuduh telah dihadapkan ke mahkamah atas pertuduhan seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 17.7.2004 di antara jam 12.30 pagi hingga 6.40 pagi, di hadapan kedai No: 31, Jalan Haruan 5/2, Oakland Commercial Square, dalam Daerah Seremban, di dalam negeri, Negeri Sembilan telah melakukan pembunuhan dengan menyebabkan kematian ke atas MAH ANN ANN (No. K/P: 6794426). Oleh yang demikian kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 302 Kanun Keseksaan.

KES PENDAKWAAN

[2] Pada 17 Julai 2004 jam 4.30 pagi Kpl Amran (SP1), semasa sedang bertugas di Balai Polis Seremban, telah menerima panggilan telefon memaklumkan tentang suatu pembunuhan di Oakland Park, Seremban 2. Dia telah menurunkan maklumat itu dalam bentuk laporan (eksh P4) dan seterusnya memaklumkan kejadian itu ke Bilik Gerakan, IPD Seremban. Pada jam 4.50 pagi hari yang sama Kpl Azaman (SP3), dari pasukan kereta peronda IPD Seremban, telah diarahkan pergi ke tempat kejadian. Apabila sampai di tempat kejadian dia telah terjumpa satu mayat terbaring di atas lantai di kaki lima sebuah restoran. Semasa pemeriksaan di kawasan persekitaran dia telah menjumpai satu kunci kereta. Dengan menggunakan 'remote control' kunci itu dia telah dapat mengesan sebuah kereta dan menjumpai satu telefon bimbit di dalamnya. Dia telah merentangkan tali polis dan menunggu di tempat kejadian sehingga bantuan sampai.

[3] ASP Zaihairul b Idrus (SP16), pegawai penyiasat kes, telah sampai ke tempat kejadian pada 6.50 pagi hari yang sama. Dia mendapati mayat seorang lelaki Cina yang mempunyai kesan kecederaan. Dia turut mengambil dan menandakan beberapa ekshibit yang dijumpai di tempat itu, termasuk beberapa batang gigi, (eksh P24B, P26B dan P42B), sampel beberapa helai rambut (eksh 29B, P31B, P32B, P33B, P37B dan P40B), jam tangan (eksh P25A), beberapa swab kapas (eksh P28B, P30 dan P34B, kasut (eksh P35A dan 39A), dua puntong rokok (eksh P27B dan P36B), cermin mata (eksh P38A), satu rantai leher dan tiga loket (eksh P41A), sebilah pisau pada kawasan pasu bunga (eksh P9A).

[4] L/Kpl Jumadi (SP2) yang hadir sama telah mengambil beberapa keping gambar di tempat kejadian (eksh P5(1)–P5(27)) atas arahan SP16. SP4 seterusnya telah menghantar mayat si mati ke Hospital Seremban, dan membawa barang-barang kes yang telah ditandakan ke IPD Seremban untuk disimpan dalam kabinet besi di pejabatnya.

[5] Dr Sharifah Safoorah (SP4), seorang pakar forensik di Hospital Seremban, telah menjalankan bedah siasat ke atas si mati dengan kehadiran pegawai penyiasat SP16. Dia telah mencatatkan hasil bedah siasatnya dalam laporan bedah siasatnya (eksh 8). Menurut SP16 si mati telah mengalami 49 kecederaan seperti yang dinyatakan dalam laporannya itu. SP4 telah mengesahkan bahawa sebab kematian adalah luka tikaman berganda (multiple incise wounds). Dia turut menjelaskan bahawa terdapat 'defensive wounds' pada si mati seperti kecederaan No 37, 38 dan 39 dalam laporannya. SP4 juga memberi pendapat bahawa kecederaan-kecederaan tikaman pada tubuh badan si mati boleh disebabkan oleh pisau eksh P9A, manakala 'laceration wound' di bahagian kepala boleh disebabkan oleh batu eksh P10A. Dia turut mengesahkan bahawa kecederaan yang dialami si mati adalah cukup 'in the ordinary cause of nature' menyebabkan kematian. SP4 juga turut mengambil specimen darah si mati (eksh P11A), dan beberapa helaian rambut yang diambil daripada genggaman si mati (eksh P15D dan P15G) yang disahkannya sebagai rambut kepala.

[6] Pada 18 Julai 2004 ASP Karka Singh (SP13) telah menjalankan pemeriksaan ke atas kereta si mati jenis Nissan Cefiro No Pendaftaran BFK 6343 dengan dibantu oleh SP2 yang telah mengambil gambar bahagian-bahagian tertentu kereta tersebut dan bagi pengecaman cap jari. SP13 turut mengambil sampel barang-barang kes daripada kereta itu, iaitu sehelai rambut 'F8' (eksh P 43), kertas tisu 'F9' (eksh P44), dan bekas kertas tisu 'F10' (eksh P45). Dia telah menyerahkan ekshibit-ekshibit tersebut kepada SP16. Pada 22 Julai 2004 dia telah memeriksa sebuah kereta Proton Wira Aeroback No Pendaftaran NBE 3997 bersama-sama jurugambar SP2. Semasa pemeriksaan dia telah menjumpai dan mengambil swab kapas, kesan

darah di bawah bahagian handbrake kereta itu. Dia telah menandakan ekshibit tersebut H1 sebelum menyerahkannya kepada SP16.

[7] Pada 26 Julai 2004 dan 3 Ogos 2004, SP12, atas arahan SP16, telah menghantar barang-barang kes ke Jabatan Kimia, Petaling Jaya untuk dianalisis. Senarai barang-barang kes yang dihantar pada 26 Julai 2004 dan 3 Ogos 2004 tersebut telah diakui penerimaannya oleh Jabatan Kimia dalam surat mereka eksh P22 dan eksh P60.

[8] En Primulapathi a/l Jaya Krishnan (SP10), ahli kimia, telah menjalankan analisis DNA ke atas barang-barang kes yang telah dihantar kepadanya. Beliau telah mula bertugas di Jabatan Kimia Kerajaan sejak 1977, dan pernah menghadiri latihan analisis DNA di luar dan dalam negeri. Setelah menjalankan analisis yang dikehendaki, dia telah menyediakan laporannya dalam eksh P23 seperti yang telah dibacanya. Hasil analisis tersebut yang saya dapati berkaitan secara langsung dengan kes sekarang ini adalah sebagaimana yang terkandung dalam perenggan (ii), (iv) dan (v) di ms 5 laporannya itu, yang dibacakan seperti berikut:

> (i) The DNA profile developed from the bloodstains on swab 'H1' to match with the DNA profile developed from blood specimen 'L1' (labelled 'Yoo Sau Lih'), thus indicating that the DNA identified were from the same source.
>
> (ii) …
>
> (iii) The DNA profile developed from the bloodstains on necklace 'F4' and knife 'F5' be mixed profile consistent with having come from two different sources. The source represented by blood specimen 'A1' (labelled 'Mah Ann Ann') was consistent with being the major contributor and the source represented by blood specimen 'L1' (labelled 'Yoo Sau Lih') was consistent with being the minor contributor to this mixed DNA profile.
>
> (iv) The DNA profile developed from cigarette butt 'E14' to be from a male source different from the DNA profiles developed from blood specimens 'A1' (labelled 'Mah Ann Ann') and 'L1' (labelled 'Yoo Sau Lih'). I identified the donor of this profile as 'Unknown Male 1'.

[9] Pada 31 Julai 2004 pada jam lebih kurang 2 pagi, Sjn Ibrahim bin Hassan telah melakukan satu tangkapan di hadapan sebuah restoran di Jalan Dato' Keramat, Pulau Pinang. Orang yang ditangkap itu telah dicamkan sebagai tertuduh dalam kandang pesalah. Selain daripada saksi-saksi polis, pihak pendakwa turut memanggil beberapa saksi awam, iaitu SP6, SP7, SP8, SP9, SP11, SP14, SP15.

[10] SP6 adalah tuan punya kedai kopi di mana tertuduh bekerja. Dia menyatakan telah menerima panggilan telefon daripada tertuduh pada lebih kurang jam 1.30 pagi hari kejadian itu memberitahunya dia telah bergaduh dengan orang yang tidak dikenalinya. Dia telah berjumpa dengan tertuduh pada kira-kira jam 2 pagi dan melihatnya mengalami kecederaan di tangan kirinya. Kemudiannya dia dan tertuduh telah pergi ke kedai anaknya Chan Kim Soon (SP14) di Lobak. SP14 telah membawa tertuduh ke klinik kira-kira jam 2.30 pagi hari yang sama untuk rawatan kecederaan pada tangannya itu. SP14 menyatakan tertuduh telah memberitahunya dia telah bergaduh. SP7, adalah pegawai perubatan yang merawat tertuduh pada 17 Julai 2004. Dia mengesahkan tertuduh mengalami kecederaan pada kedua-dua belah tangannya, iaitu 'laceration wound' pada 'dorsum of his right hand' dan 'abrasion' pada jari kedua dan ketiga tangan kiri.

[11] SP15, iaitu isteri SP6, turut memberi keterangan. Dia mengesahkan tertuduh ada datang ke kedainya pada malam itu. Pada hari itu dia menutup kedainya pada jam 4 pagi dan telah balik ke rumah bersama-sama suaminya. Dalam perjalanan balik dia telah mengambil tertuduh yang meninggalkan keretanya di kawasan pangsapuri yang berhampiran. Dua ahli keluarga tertuduh turut memberi keterangan sebagai saksi pendakwa. SP8, adik tertuduh, dalam keterangannya menyatakan pada 17 Julai 2004, dia nampak kereta tertuduh ada di rumahnya dan dia telah diberitahu oleh adiknya (SP9) bahawa tertuduh memintanya menjaga kereta itu. Dia juga menyatakan telah melawat tertuduh di Kuala Lumpur bersama-sama ibu bapanya. SP9, juga adik tertuduh, pada masa material bekerja di kedai yang sama dengan tertuduh. Menurutnya pada pagi 17 Julai 2004 tertuduh tidak datang kerja. Tertuduh telah memberitahunya dia berada di Kuala Lumpur. Pada hari yang sama dia telah mengambil kereta tertuduh, jenis Proton Aeroback, dari Lobak untuk dibawa balik ke rumahnya. Dia turut serta semasa ibu bapanya melawat tertuduh di Kuala Lumpur.

[12] Saksi awam lain adalah Low Siow Huah (SP11) yang juga dikenali dengan nama panggilan Sylvia. Dia mengaku sebagai kawan si mati dan ada berjumpa dengannya dari semasa ke semasa. Menurutnya pada 16 Julai 2004 dia telah berjumpa dengan si mati di tempat kerjanya di Oakland untuk memberi hadiah hari jadi kepadanya. Pada hari yang sama semasa berada di rumahnya dia mengatakan si mati telah menghantar SMS kepadanya mengucapkan terima kasih atas hadiah yang telah diberikan. SMS itu turut dibaca oleh kekasihnya Choy Weng Chai, juga seorang perempuan, yang tinggal serumah dengannya. Dia menyatakan Choy telah memarahi dan memukulnya kerana mengesyaki dia mempunyai hubungan sulit dengan si mati. Selanjutnya dia menyatakan Choy telah menelefon tertuduh dengan menggunakan telefon bimbitnya memberitahunya bahawa si mati telah

merogolnya dan meminta tertuduh tunjuk ajar si mati. Selepas itu dia dan Choy telah pergi ke rumah seorang 'auntie' dan bermalam di rumah itu.

[13] Seterusnya SP11 menyatakan pada kira-kira jam 11 malam hari itu, atas desakan Choy, dia telah menelefon si mati meminta si mati menunggunya di belakang kedai Best Home di Oakland atas alasan hendak berbincang. Berikutan itu dia telah menerima telefon dan SMS daripada si mati menyatakan dia telah sampai di tempat yang dijanjikan. Semasa diperiksa balas SP11 menyatakan tertuduh adalah kawan baiknya. Dia telah mengenalinya sejak enam tahun sebelum kejadian. Dia juga mengaku pernah ditahan oleh pihak polis selama 13 hari sebagai suspek dalam kejadian ini.

KEPUTUSAN DI AKHIR KES PENDAKWAAN

[14] Di akhir kes pendakwaan, mahkamah hendaklah menimbangkan sama ada pihak pendakwa telah membuktikan suatu kes prima facie terhadap tertuduh selaras dengan kehendak s 180(1) Kanun Prosedur Jenayah ('KPJ'). Bagi maksud itu mahkamah perlu menjalankan suatu penilaian maksimum ke atas keterangan pihak pendakwa, termasuk menilai kebolehpercayaan saksi-saksinya dan, jika tiada keterangan secara langsung, untuk membuat inferens-inferens berdasarkan keterangan yang boleh diterima (lihat *Public Prosecutor v Dato' Seri Anwar Ibrahim (No 3)* [1999] 2 MLJ 1). Bagi memutuskan sama ada suatu kes prima facie telah terbukti atau sebaliknya hendaklah bergantung kepada jawapan kepada soalan berikut, iaitu jika tertuduh memilih untuk berdiam diri sama ada mahkamah bersedia untuk mensabitkannya atas keterangan yang sedia ada. Jika soalan ini dijawab secara afirmatif, maka suatu kes prima facie telah terbukti dan tertuduh hendaklah dipanggil untuk membela diri (lihat *Looi Kow Chai & Anor v Public Prosecutor* [2003] 2 MLJ 65).

[15] Bagi pertuduhan membunuh yang boleh dihukum di bawah s 302 Kanun Keseksaan ('Kanun') seperti kes sekarang ini, pihak pendakwa hendaklah, di akhir kesnya, membuktikan suatu kes prima facie pada tahap yang dinyatakan di atas, setiap elemen kesalahan yang berkaitan dengan pertuduhan yang dimaksudkan, iaitu:

(a) kematian si mati Mah Ann Ann;

(b) kematian itu disebabkan oleh kecederaan yang dikenakan ke atas si mati;

(c) tertuduh telah menyebabkan kecederaan yang menyebabkan kematian si mati; dan

(d) perbuatan itu dilakukan dengan niat atau pengetahuan yang dinyatakan

dalam s 300 (a), (b), (c) atau (d) Kanun. A

Kematian Mah Ann Ann

[16] Kematian si mati Mah Ann Ann tidak dipertikaikan oleh pihak pembelaan. Dia telah dihantar ke hospital Seremban oleh SP16 untuk dibedah siasat. SP16 juga telah mengecam mayat si mati semasa dia dibedah siasat. B

Kematian si mati, sama ada disebabkan kecederaan yang dikenakan C

[17] Keterangan SP4 tentang kecederaan yang dialami oleh si mati seperti yang dinyatakan dalam laporan bedah siasat (eksh P8) tidak dipertikaikan. Begitu juga pendapat yang diberikan oleh SP4 bahawa sebab kematian si mati adalah berpunca daripada 'multiple incise wounds' juga tidak dicabar dalam pemeriksaan balas saksi ini. Oleh itu tiada sebab bagi saya untuk mempersoalkan keterangan ini. D

Kematian si mati, sama ada disebabkan oleh tertuduh E

[18] Bagi pembuktian elemen ini, pihak pendakwa hanya bergantung kepada keterangan ikut keadaan. Berkenaan dengan keterangan ikut keadaan, saya dapati manfaat untuk merujuk kepada prinsip yang telah diasaskan dalam kes *Chan Chwen Kong v Public Prosecutor* [1962] MLJ 307, di mana Thomson CJ berkata: F

> It must, however be borne in mind that in cases where the evidence is wholly circumstantial what has to be considered is not only the strength of each individual strand of evidence but also the combined strength of these strands when twisted together to make a rope. The real question is: is that rope strong enough to hang the prisoner. G

[19] Peguambela terpelajar menghujahkan terdapatnya lompang-lompang dalam kes pendakwaan atas kegagalan pihak pendakwa memanggil Choy. Menurut peguambela itu Choy adalah orang yang memberitahu tertuduh untuk mengajar si mati kerana cemburu akan hubungan si mati dengan SP11, dan apa yang dikatakan oleh SP11 terhadap tertuduh adalah *hearsay*. Saya tidak dapat menerima hujah ini. Saya mendapati kegagalan pihak pendakwa memanggil Choy tidak akan menimbulkan apa-apa inferens bertentangan di bawah s 114(g) Akta Keterangan 1950 ('Akta'). Kegagalan memanggil Choy hanya sekadar kegagalan memperolehi keterangan sahaja. Ia bukannya suatu keengganan untuk mendedahkan keterangan atau perbuatan menyekat keterangan bagi menarik pemakaian s 114(g) tersebut (lihat kes *Munusamy v Public Prosecutor* [1987] 1 MLJ 492). Pembabitan Choy hanya H I

sekadar mengatur pertemuan di antara tertuduh dengan si mati yang telahpun dijelaskan oleh SP11. Walaupun tanpa kehadiran Choy sebagai saksi, saya mendapati pihak pendakwa masih dapat mengekalkan kesinambungan dalam naratif kesnya melalui keterangan SP11.

[20] Mengenai isu yang dibangkitkan tentang identiti tertuduh, saya hanya perlu menyatakan bahawa terdapatnya profil DNA tertuduh dari kesan darah pada pisau (eksh P9A) dan rantai leher si mati (eksh P14A) yang dijumpai di tempat kejadian menunjukkan kehadiran tertuduh di tempat itu pada malam tersebut. Begitu juga saya mendapati kehadiran profil DNA pihak ketiga pada puntong rokok eksh P36B yang diambil di tempat kejadian juga tidak menunjukkan penglibatan pihak ketiga setelah mengambilkira kejadian itu berlaku di tempat awam.

[21] Setelah menilai keterangan-keterangan yang ada di hadapan mahkamah, saya berpuas hati terdapat keterangan-keterangan ikut keadaan yang mencukupi bagi mengkaitkan tertuduh dengan pertuduhan yang dikenakan terhadapnya. Pertama, keterangan SP11 jelas menunjukkan dia dan Choy telah sama-sama merancangkan kehadiran tertuduh dan si mati di tempat kejadian pada malam itu. SP11 menyatakan Choy telah menelefon tertuduh dalam kehadirannya dan telah meminta tertuduh mengajar si mati. Pada masa yang sama SP11 sendiri mengaku, atas desakan Choy, telah menelefon si mati untuk pergi ke tempat yang sama atas helah untuk bertemu dengannya. Kedua, terdapat keterangan SP16 yang telah menandakan dan mengambil beberapa ekshibit di tempat kejadian, termasuk rantai leher F4 (eksh P41A) di pili bomba, dan sebilah pisau F5 (eksh P9A) di kawasan pasu bunga, di tempat kejadian. SP10, ahli kimia yang telah menjalankan analisis DNA ke atas kedua-dua eksibit tersebut mendapati profil DNA yang dihasilkan daripada kesan darah pada rantai dan pisau tersebut menunjukkan 'mixed profile' yang berpunca daripada darah tertuduh dan si mati. Saya tidak meragui keterangan ini yang jelas menunjukkan kehadiran tertuduh di tempat kejadian dan penglibatannya dalam jenayah ini pada malam itu.

[22] Ketiga, keadaan luka di tangan tertuduh berserta dengan kesan darah tertuduh (hasil ujian DNA) yang dijumpai pada bahagian brek tangan keretanya turut memperkuatkan penglibatan tertuduh dalam jenayah yang berlaku pada malam itu. Keempat, terdapat keterangan daripada SP6 dan SP13 yang mengatakan tertuduh telah memberitahu mereka dia telah bergaduh pada malam itu. Kelima, tindakan tertuduh tidak balik ke rumahnya pada malam itu dan seterusnya telah meninggalkan Bandar Seremban ke Kuala Lumpur dan kemudiannya ke Pulau Pinang turut menjurus kepada penglibatannya dalam jenayah yang dimaksudkan.

Sama ada perbuatan itu dilakukan dengan niat, dll

[23] Elemen terakhir yang perlu dibuktikan ialah sama ada perbuatan tertuduh tersebut dilakukan dengan niat atau pengetahuan, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang dinyatakan dalam mana-mana perenggan (a), (b), (c) atau (d) s 300 Kanun. Berkenaan dengan niat, Mahkamah Rayuan dalam kes *Nor Hasnizam bin Ab Latif v Public Prosecutor* [2002] 1 MLJ 154 telah mengikut pandangan Thompson CJ dalam kes *Tan Buck Tee v Public Proecutor* [1961] MLJ 176, di mana telah diputuskan bahawa niat adalah suatu perkara inferens daripada sifat kecederaan yang diakibatkan ke atas mangsa. Keterangan SP4, pakar forensik yang menjalankan bedah siasat ke atas tertuduh, telah mengesahkan bahawa si mati mengalami kecederaan berganda yang menyebabkan kematiannya. Dia turut memperakukan bahawa kecederaan yang dikenakan itu adalah mencukupi 'in the ordinary cause of nature' menyebabkan kematian.

[24] Setelah mengambilkira perlakuan tertuduh yang menyebabkan kecederaan yang serius ke atas si mati, maka saya mendapati satu-satunya inferens yang boleh disimpulkan ialah bahawa tertuduh telah melakukan perbuatan itu dengan niat yang ditakrifkan di bawah perenggan (a), (b) dan (c) s 300 Kanun.

[25] Kesimpulannya, atas penilaian maksimum kes pendakwaan saya mendapati pihak pendakwa telah berjaya, di akhir kesnya, membuktikan suatu kes prima facie terhadap tertuduh atas pertuduhan di bawah s 302 Kanun. Seterusnya tertuduh dipanggil untuk membela diri terhadap pertuduhan itu.

KES PEMBELAAN

[26] Setelah ketiga-tiga opsyen diterangkan, tertuduh telah memilih untuk memberikan keterangan bersumpah. Keterangannya setakat yang relevan adalah seperti berikut.

[27] Pada tahun 2004 dia tinggal di Taman Megaway dan bekerja sebagai pelayan di sebuah kedai makan. Dia mengenali Choy Weng Chai atau ringkasnya Choy dan Low Siow Hueh (SP11). Ketika itu kedua-dua mereka berumur 28 tahun dan masih belum berkahwin. Mereka adalah kakak angkatnya. Dalam bulan Julai 2004 Choy ada menelefonnya menyatakan ada seorang lelaki telah mengusik Low Siow Hueh yang juga dikenali sebagai Sylvia (SP11). Dia diberitahu lelaki itu berbangsa Cina dan berpangkat. Choy memintanya pergi ke sebuah kedai kopi di Oakland kerana orang itu akan datang di situ. Berikutannya dia telah pergi ke tempat itu dengan memandu keretanya sendiri. Dia membawa sebilah pisau (eksh P9A) yang

diambilnya dari laci meja kedai tempat dia bekerja dan menyisipkan pisau itu di bahagian hadapan seluar pendeknya. Dia menjelaskan dia membawa pisau kerana menjangkakan orang yang datang itu ketua gangster dan dia tidak tahu berapa orang akan datang. Setelah sampai, dia menunggu dalam kereta dengan enjinnya masih hidup. Sejurus kemudian dia melihat sebuah kereta datang dengan dipandu oleh seorang lelaki. Lelaki itu meletakkan keretanya bertentangan dengan keretanya, dan terus datang membuka pintu penumpang hadapan keretanya. Setelah membuka pintu kereta itu, lelaki itu berkata dia jangkakan kawannya. Lelaki itu telah menutup semula pintu keretanya. Selepas itu dia pun turun dari kereta dan bertanyakan kepada lelaki itu bagaimana hendak pergi ke kedai minum.

[28] Dia dan lelaki itu kemudian berjalan ke kedai kopi mengikut lorong. Seterusnya dia menyatakan semasa dalam perjalanan dia bertanya kepada lelaki itu sama ada dia kenal Sylvia. Lelaki itu memandang ke arahnya, dan dia memberitahu lelaki itu jangan kacau Sylvia lagi. Berikutannya lelaki itu telah menumbuk mukanya beberapa kali. Dia mengelak dan terjatuh. Pisau yang dibawanya telah terkeluar dan jatuh dari sisipan seluarnya di pinggangnya. Kedua-dua mereka telah cuba mencapai pisau itu. Akhirnya dia telah berjaya mendapatkan pisau itu dan menghayunkannya beberapa kali ke arah lelaki itu semasa masih dalam keadaan rebah untuk mengelakkan serangan lelaki itu. Lelaki itu terus menumbuknya setelah dia bangun. Dia menggunakan pisau itu dan kena pada bahagian kepala lelaki itu. Lelaki itu meminta dia berhenti dan mengeluarkan dompetnya. Lelaki itu memberitahunya untuk mengambil duitnya jika mahu. Seterusnya dia telah pusing untuk balik ke keretanya. Setelah berjalan beberapa tapak lelaki itu telah menendang punggungnya dari belakang dan cuba merampas pisau dari tangannya. Mereka kemudiannya telah bergelut yang menyebabkan tangan kirinya luka. Setelah mendapati tangannya luka, dia telah menghayunkan pisau itu beberapa kali apabila mendapati lelaki itu masih menyerangnya. Kemudiannya mereka mereka berdua jatuh dan pisau itu tercampak dari tangannya. Dia sempat bangun dan mengambil seketul batu yang ada di situ dan membalingkannya kepada lelaki itu. Batu itu terkena pada bahagian muka lelaki itu yang menyebabkan lelaki itu terjatuh. Ketika itu dia berada tiga hingga empat kaki daripada lelaki itu.

[29] Selepas kejadian itu dia telah menelefon towkaynya (SP6). Dia telah berjumpa dengan SP6 di kedainya dan menceritakan apa yang berlaku kepadanya. Pada malam itu dia telah bermalam di rumah SP6. Dia dapat tahu tentang lelaki itu apabila emaknya memberitahu melalui telefon ada orang mati di Seremban 2. Dia berasa takut dan telah pergi ke Kuala Lumpur dan kemudiannya ke Pulau Pinang di mana dia ditangkap. Sebelum melarikan diri dia telah mendapatkan rawatan perubatan di sebuah klinik di Seremban.

[30] Semasa diperiksa balas, dia bersetuju bahawa Choy tidak menyuruhnya membawa pisau pada malam itu atau menyuruhnya membunuh si mati. Dia menafikan bahawa dia tahu orang yang dimaksudkan oleh Choy adalah Mah Ann Ann, si mati. Apabila keterangannya dicabar oleh TPR, dia menafikan mempunyai peluang untuk lari setelah ditumbuk oleh lelaki itu. Menurutnya dia telah rebah dan terus diserang oleh lelaki itu. Dia masih tidak dapat lari walaupun pisau ada di tangannya kerana lelaki itu terus menyerangnya. Menurutnya lelaki itu menumbuknya dan dia balas dengan pisau. Dia juga menafikan telah memukul lelaki itu dengan batu. Dia turut menjelaskan dia berasa takut kerana dia telah bergaduh dengan seseorang dan orang itu telah mati.

[31] Pembelaan utama yang dibangkitkan oleh peguambela tertuduh ialah hak pertahanan diri di bawah ss 96 dibaca bersama dengan s 97 dan 100 Kanun. Secara alternatifnya adalah dihujahkan, jikapun tertuduh telah melebihi hak pertahanan dirinya, perbuatannya itu masih termasuk dalam Kecualian 2 s 300 Kanun. Pihak pembelaan turut meminta mahkamah menimbangkan pembelaan di bawah Kecualian 4 seksyen yang sama, perkelahian serta-merta, sekiranya menolak pembelaan utama yang dibangkitkan di atas.

HAK PERTAHANAN DIRI

Untuk menyokong hujahnya bagi pembelaan ini, peguambela terpelajar telah merujuk kepada prinsip undang-undang yang telah diasaskan dalam kes *Ya bin Daud v Public Prosecutor* [1997] 4 MLJ 322, dan kes-kes lain yang diikuti dalam kes tersebut, termasuk *Public Prosecutor v Ngoi Ming Sean* [1982] 1 MLJ 24, *Musa bin Yusof v Public Prosecutor* [1953] MLJ 70, *Govindan Neelambaran v State of Kerala* AIR 1960 Ker 258, dan *Jai Dev v State of Punjab* AIR 1963 SC 612.

[32] Peguambela terpelajar pertamanya telah menegaskan kegagalan pihak pendakwa memanggil Choy untuk melengkapkan naratif kes pendakwaan telah menimbulkan inferens bertentangan (adverse inference) di bawah s 114(g) Akta. Menurut beliau ketinggalan itu turut meninggalkan lompang-lompang dalam kes pendakwa. Lantaran itu beliau menghujahkan bahawa keterangan tertuduh tentang tujuannya pergi ke tempat kejadian hendaklah diterima oleh mahkamah. Saya telahpun menimbangkan isu mengenai inferens bertentangan ini diperingkat kes pendakwaan dan mengekalkan pandangan saya yang terdahulu dengan tiadanya keterangan baru dikemukakan bagi maksud itu.

[33] Mengenai hak petahanan diri, peguambela terpelajar itu menegaskan bahawa keterangan jelas menunjukkan tertuduh tidak menggunakan pisau yang dibawanya dengan serta-merta. Dia telah terlebih dahulu ditumbuk

beberapa kali sebelum terjatuh yang menyebabkan pisau itu terkeluar daripada sisipan seluar di pinggangnya. Menurut peguambela itu lagi keterangan juga menunjukkan kedua-dua mereka telah cuba mencapai pisau itu. Beliau menambah walaupun tertuduh berjaya mendapatkan pisau itu tetapi si mati masih menyerang tertuduh walaupun tertuduh masih berada dalam keadaan terbaring. Malahan si mati terus menumbuk tertuduh setelah dia dapat berdiri yang menyebabkan tertuduh terpaksa menghayunkan pisau itu dan terkena pada bahagian kepala si mati. Selanjutnya peguambela terpelajar telah menarik perhatian mahkamah bahawa si mati turut menendang tertuduh dari belakang semasa dia hendak berpatah balik dan cuba merampas pisau di tangannya yang menyebabkan tertuduh turut mengalami kecederaan di bahagian tangannya. Adalah dihujahkan bahawa perbuatan tertuduh melontarkan batu yang terkena bahagian muka si mati juga telah dilakukan sebagai hak petahanan dirinya.

[34] Selanjutnya peguambela terpelajar telah menghujahkan tertuduh memang tidak mempunyai niat untuk membunuh si mati pada malam kejadian itu. Bagi menyokong hujahnya sedemikian, peguam terpelajar itu telah menarik perhatian mahkamah bahawa tertuduh telah pergi berjumpa dengan SP6 dan memberitahunya yang dia telah bergaduh. Menurut peguambela itu lagi, tertuduh juga telah menjelaskan kenapa dia telah lari meninggalkan Seremban selepas kejadian itu. Ia bukan kerana dia telah membunuh orang tetapi kerana orang yang bergaduh dengannya sudah meninggal dunia.

[35] Timbalan pendakwa raya ('TPR') terpelajar pula telah merujuk kepada luka berganda (multiple incise wounds) pada tubuh badan si mati, termasuk luka-luka di bahagian belakang si mati dan juga 'defensive wounds' yang dialaminya. Beliau turut menarik perhatian mahkamah kepada kecederaan No 9 dan 10 di bahagian kepala si mati dalam laporan bedah siasat eksh P8, dan menghujahkan bahawa kecederaan itu tidak konsisten dengan keterangan tertuduh bahawa batu yang dibalingnya itu telah terkena pada muka si mati. Berdasarkan kepada kecederaan yang dialami oleh si mati, TPR terpelajar menegaskan bahawa tertuduhlah yang telah menyerang. Menurut TPR terpelajar itu lagi setelah mengambilkira bahawa pisau berada dengan tertuduh, dan enjin keretanya masih hidup, pada setiap masa material, maka tiada sebab yang munasabah bagi tertuduh merasakan nyawanya atau keselamatan dirinya terancam, dan dia juga boleh meninggalkan tempat itu dengan mudah. Mengenai niat, adalah dihujahkan bahawa fakta tertuduh telah pergi ke tempat kejadian dengan membawa pisau jelas menunjukkan niatnya untuk membunuh si mati.

[36] Prinsip undang-undang mengenai hak pertahanan diri telah digariskan dalam keputusan-keputusan mahkamah, termasuk kes-kes yang

telah dirujuk oleh peguambela terpelajar di atas. Bila hak pertahanan diri boleh digunakan turut dijelaskan dalam kes *Public Prosecutor v Dato' Balwant Singh (No 2)* [2003] 3 MLJ 395, di mana telah disarankan bahawa seseorang itu mempunyai hak pertahanan diri sebaik sahaja terdapatnya perasaan bahaya yang munasabah terhadap tubuh badan atau nyawanya. Seseorang itu tidak perlu menunggu sehingga dia dicederakan sebelum menggunakan hak pertahanan dirinya kerana dia juga boleh memulakan serangan untuk mengelakkan bahaya kepada diri dan nyawanya. Dalam kes *Musa bin Yusof v Public Prosecutor* [1953] MLJ 70, Mathew CJ telah berkata:

> The law in this country gives greater latitude to a person who is attacked than does the law in England. The question in such cases is not whether there was an actual continuing danger, but whether there was reasonable apprehension of such danger. If such a condition exists, the person attacked is not obliged to retreat, but he may pursue his adversary till he finds himself out of danger; and if in a conflict between them, he happens to kill, such killing is justifiable.

[37] Prinsip undang-undang di atas telah dirumuskan dan diulangi dalam kes *Ya bin Daud v Public Prosecutor*, seperti berikut:

(1) Hak pembelaan persendirian bermula sebaik sahaja terdapatnya perasaan bahaya yang munsabah oleh tertuduh dan hak tersebut berterusan selama perasaan bahaya tersebut berterusan (lihat *Public Prosecutor v Ngoi Ming Sean* [1982] 1 MLJ 24);

(2) Di mana perasaan munasabah akan bahaya itu wujud, tertuduh tidak mempunyai kewajipan untuk berundur tetapi dia boleh mencabar musuhnya sehingga dia tidak lagi berada dalam bahaya, dan jika di dalam suatu perkelahian di antara mereka, beliau melakukan pembunuhan, maka pembunuhan itu beralasan (lihat *Musa bin Yusof v Public Prosecutor* [1953] MLJ 70 dan *Jai dev v State of Punjab* AIR 1963 SC 612).

(3) Adalah tidak perlu untuk tertuduh mendapati beliau mengalami kecederaan sebelum hak pertahanan dirinya dijustifikasikan (lihat *Govindan Neelambaran v State of Kerala* AIR 1960 Ker 258.

[38] Dalam kes sekarang ini keterangan tertuduh bagaimana dia boleh berada di tempat kejadian adalah konsisten dengan keterangan saksi pendakwa SP11. Menurut tertuduh pada malam itu dia telah menerima panggilan telefon daripada Choy bahawa seorang lelaki China telah mengusik Sylvia (SP11). Choy telah memintanya memberitahu lelaki itu jangan mengganggu Sylvia lagi. Dia juga telah diberitahu bahawa orang yang dimaksudkan itu akan sampai di kedai kopi di Oakland dan memintanya pergi menemui orang itu di situ. Keterangannya ini sebahagian besarnya

adalah selaras dengan testimoni SP11 yang berada bersama Choy dan mendengar perbualan telefon di antaranya dengan tertuduh pada malam itu. Keterangan tertuduh mengenai tujuannya pergi menemui lelaki yang dimaksudkan, iaitu si mati, tidak dicabar oleh pihak pendakwa dalam pemeriksaan balasnya. Atas kegagalan berbuat demikian dan setelah menimbangkan kegagalan pihak pendakwa memanggil Choy sebagai saksi, saya menerima keterangan tertuduh tentang tujuannya menemui si mati pada malam itu. Perlu juga dipertimbangkan bahawa si mati juga telah pergi ke tempat kejadian di Oakland setelah menerima panggilan telefon daripada SP11 yang menyatakan hendak berjumpa dengannya. Oleh itu adalah tidak diragui bahawa pertemuan di antara tertuduh dengan si mati pada malam itu telah diatur dan dirancangkan oleh pihak ketiga bagi menyelesaikan masalah yang berpunca daripada hubungan di antara SP11 dengan si mati.

[39] Selain tertuduh, tiada saksi lain dipanggil oleh pihak pembelaan. Setelah menilai keseluruhan keterangan di hadapan mahkamah, saya mendapati keterangan tertuduh mengenai apa yang berlaku sebaik sahaja si mati sampai ke tempat kejadian itu adalah munasabah untuk dipercayai. Si mati telah pergi ke tempat itu atas permintaan SP11 yang mengatakan hendak berjumpa dengannya. Oleh itu saya mendapati keterangan tertuduh bahawa si mati telah datang membuka pintu kiri hadapan keretanya adalah munasabah. Setelah meneliti gambar-gambar yang diambil di tempat kejadian (eksh P5(1) hingga P5(27)), dan tiadanya keterangan mengenai kesan darah di bahagian luar kereta si mati atau kereta tertuduh, maka satu-satunya inferens yang boleh dibuat adalah bahawa si mati tidak diserang dengan serta-merta sebaik sahaja dia keluar keretanya atau sebaik sahaja dia sampai ke kereta tertuduh. Oleh itu saya juga mendapati keterangan tertuduh bahawa dia dan si mati telah bersama-sama pergi ke kedai kopi adalah juga munasabah setelah mengambilkira tujuan tertuduh pergi ke tempat itu.

[40] Dengan tiadanya cabaran oleh pihak pendakwa semasa pemeriksaan balas tertuduh, dan setelah mengambilkira faktor-faktor yang dinyatakan terdahulu, saya juga mendapati adalah juga munasabah untuk mempercayai bahawa si mati telah menumbuk tertuduh setelah dia memberi amaran kepada si mati supaya jangan menggangu SP11 lagi. Namun demikian setelah mengambilkira tujuan tertuduh pergi bertemu si mati pada malam itu dan fakta bahawa dia juga telah membawa sebilah pisau, maka tertuduh sudah sewajarnya mengetahui atau menjangkakan apa yang akan berlaku. Tindakannya itu juga menunjukkan dia memang telah bersedia untuk menghadapi segala kemungkinan. Lantaran itu pada pendapat saya tertuduh mempunyai segala peluang untuk beredar meninggalkan tempat itu sebaik sahaja dia mula-mula ditumbuk oleh si mati. Walaupun dia telah terjatuh tetapi dia telah berjaya bangun semula dan boleh melepaskan diri dan tidak bersemuka dengan si mati sekali lagi. Begitu juga dia mempunyai segala

peluang untuk melepaskan dirinya semasa si mati dikatakan mengeluarkan dompetnya dan menyuruh beliau mengambil segala wangnya. Sebagaimana yang dikatakan tertuduh hayunan pisaunya telahpun terkena pada kepala si mati pada ketika itu. Setelah mengambilkira fakta-fakta yang dinyatakan di atas, saya berpuas hati bahawa tertuduh telah gagal, atas imbangan kebarangkalian, membuktikan pembelaan hak pertahanan diri di bawah s 96 dibaca bersama ss 97 dan 100 Kanun, atau selainnya di bawah kecualian 2 s 300.

PERGADUHAN TIBA-TIBA

[41] Pembelaan ini diperuntukkan dalam Kecualian 4 s 300 Kanun. Dalam kes *Hainie bin Hamid v Pendakwa Raya* [2003] 2 MLJ 403, Mahkamah Rayuan telah menggariskan empat keperluan yang perlu dipenuhi bagi pemakaian kecualian ini, iaitu: (i) ia adalah satu pergaduhan secara tiba-tiba; (ii) ia tidak dirancang terlebih dahulu; (iii) tindakan itu telah dilakukan apabila seseorang itu naik berang; dan (iv) penyerang tidak mengambil apa-apa kesempatan yang tidak wajar atau bertindak kejam.

[42] Dalam kes sekarang ini keterangan jelas menunjukkan tertuduh tidak mengenali si mati. Mengikut keterangan SP6 tertuduh telah memberitahunya bahawa dia telah bergaduh dengan orang yang tidak dikenalinya pada malam itu. Pertemuan di antara tertuduh dengan si mati pada malam itu juga telah dirancangkan oleh pihak ketiga dan bukan atas kehendaknya sendiri. Malahan tertuduh sendiri telah bersetuju dengan pengataan (put) pihak pendakwa bahawa Choy tidak ada menyuruhnya membunuh si mati. Setelah menimbangkan latar belakang kepada pertembongan mereka, saya berpuas hati memang telah berlaku pergaduhan tiba-tiba di antara tertuduh dengan si mati pada malam itu. Tujuan tertuduh pergi menemui si mati pada malam itu juga, pada pendapat saya, menunjukkan bahawa pergaduhan itu memang tidak dirancang. Fakta bahawa tertuduh telah membawa sebilah pisau tidak semestinya menunjukkan dia telah merancang hendak bergaduh. Lebih-lebih lagi dalam situasi kes sekarang ini di mana dia telah diminta menegur atau memberi amaran kepada orang yang tidak dikenalinya. Atas alasan-alasan di atas, saya mendapati keperluan (i) dan (ii) bagi Kecualian 4 kepada s 300 Kanun telah dipenuhi.

[43] Berkenaan dengan keperluan (iii) di atas, saya juga berpuas hati bahawa tindakan si mati menumbuk muka tertuduh sebaik sahaja dia memberi amaran kepada si mati sudah semestinya menyebabkan tertuduh naik berang. Lebih-lebih lagi setelah dia mengalami kecederaan apabila kedua-dua mereka sama-sama cuba mencapai pisau yang telah terjatuh daripada sisipan di pinggang tertuduh. Begitu juga tindakan si mati terus

menyerang tertuduh menyebabkan tiada peluang baginya untuk menenangkan dirinya. Pada pengamatan saya walaupun si mati mengalami kecederaan berganda (multiple injuries) pada tubuh badannya, tetapi laporan perubatan eksh P8 jelas menunjukkan kebanyakan daripada kecederaan itu terdiri daripada 'superficial incise wounds'. Kecederaan sedemikian juga jelas menunjukkan bahawa mereka saling berbalas serangan. Hayunan-hayunan pisau tertuduh dibalas oleh si mati dengan tumbukan-tumbukan. Selanjutnya, hujahan berlakunya pergelutan di antara mereka turut diperkuatkan dengan adanya kesan darah tertuduh pada pisau eksh P9A dan rantai leher si mati eksh P41A. Memandangkan kecederaan-kecederaan yang dialami oleh si mati telah disebabkan oleh berbalas serangan di antara kedua-dua belah pihak, maka saya juga berpendapat bahawa tertuduh juga tidak mengambil kesempatan yang tidak wajar atau telah bertindak kejam (keperluan iv).

[44] Atas alasan-alasan yang dinyatakan di atas, saya berpuas hati bahawa tertuduh telah berjaya membuktikan, atas imbangan kebarangkalian, hal keadaan yang meletakkan pembelaannya di bawah Kecualian 4 s 300 Kanun Keseksaan. Lantaran itu saya memutuskan bahawa tertuduh telah melakukan homisid salah yang tidak terjumlah kepada kesalahan membunuh (culpable homicide not amounting to murder) di bawah s 304(a) Kanun. Saya juga berpuas hati bahawa pihak pendakwa telah berjaya membuktikan kesnya terhadap tertuduh bagi kesalahan homisid salah ini dengan melampaui keraguan yang munasabah. Dengan yang demikian saya mensabitkan tertuduh di bawah s 304(a) Kanun.

MITIGASI DAN HUKUMAN

[45] Peguambela terpelajar telah memohon dipertimbangkan bahawa ini adalah kesalahan pertama tertuduh, dan dia hanya berumur 20 tahun 9 bulan pada masa kejadian. Peguambela terpelajar turut menarik perhatian mahkamah bahawa walaupun si mati mengalami 49 kecederaan tetapi sebahagian besar daripada kecederaan itu adalah 'superficial incise wound' yang disebabkan dalam pergaduhan tersebut. TPR terpelajar pula meminta mahkamah mengenakan hukuman penjara maksimum selama 20 tahun setelah mengambilkira seriusnya kesalahan yang telah dilakukan oleh tertuduh. Beliau menghujahkan bahawa dalam pergaduhan itu, tertuduh mempunyai kelebihan kerana dia bersenjatakan pisau berbanding dengan si mati yang tidak bersenjata.

[46] Telah menjadi suatu prinsip undang-undang yang mantap bahawa mahkamah dalam menjatuhkan sesuatu hukuman hendaklah menimbangkan jenis dan seriusnya kesalahan yang telah dilakukan, latar belakang dan hal keadaan perlakuan kesalahan itu, anteseden pesalah sehingga hukuman

dijatuhkan. Mahkamah juga hendaklah juga mengambilkira umur dan watak seseorang pesalah itu (lihat *Mohamed Jusoh bin Abdullah & Anor v Public Prosecutor* [1947] MLJ 130). Sesuatu hukuman yang hendak dikenakan itu mestilah mencerminkan dan setimpal dengan seriusnya kesalahan yang dilakukan (lihat *Lee Yoke Chong v Public Prosecutor* [1964] MLJ 138, *Public Prosecutor v Khairuddin* [1982] 1 MLJ 331).

[47] Bagi kes-kes berat hakikat bahawa seseorang itu tidak mempunyai rekod jenayah atau masih muda bukanlah suatu faktor kuat yang harus dipertimbangkan (lihat *Public Prosecutor v Leo Say & 2 Ors* [1985] 2 CLJ 155). Dalam menjatuhkan sesuatu hukuman mahkamah perlu mengambilkira kepentingan awam sebagai pertimbangan utama (lihat *Vinaga Moorthy a/l Gopal v Public Prosecutor* [2003] 2 MLJ 87).

[48] Dalam menimbangkan hukuman yang sesuai bagi tertuduh, saya pertamanya mengambilkira bahawa kesalahan yang dilakukan adalah amat serius kerana melibatkan kehilangan nyawa manusia. Walaupun kematian si mati berlaku dalam satu pergaduhan tiba-tiba yang telah diaturkan oleh pihak ketiga tetapi ia masih boleh dielakkan jika tertuduh menggunakan pertimbangan yang waras dan tidak bertindak balas mengikut dorongan nafsu. Oleh itu saya mendapati wajar untuk memberi keutamaan kepada kepentingan awam yang menuntut agar apa-apa kesalahan yang melibatkan kehilangan nyawa dikenakan suatu hukuman yang berat untuk dijadikan pengajaran kepada orang lain supaya tidak melakukan kesalahan yang serupa tanpa memikirkan padahnya.

[49] Setelah mengimbangi kepentingan awam dengan faktor mitigasi tertuduh seperti di atas, saya dapati tertuduh patut dikenakan suatu hukuman yang berat untuk mendatangkan keinsafan kepada dirinya disamping menjadi pengajaran kepada orang lain. Dengan ini saya menjatuhkan ke atas tertuduh hukuman penjara selama 12 tahun bermula dari tarikh tangkapan pada 31 Julai 2004.

Tertuduh dihukum penjara 12 tahun dari tarikh tangkapan.

Reported by Ashgar Ali Ali Mohamed